



PELAN STRATEGIK



PERBADANAN PUTRAJAYA
2021-2025

PRIHATIN • KOMITED • TELUS

PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PUTRAJAYA
2021-2025



PRIHATIN • KOMITED • TELUS



KANDUNGAN

Perutusan Presiden	6-7
Kata Alu-Aluan	
Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat	8-9
BAB 1 Latar Belakang	
i. Ringkasan Eksekutif	11
ii. Pengenalan	12
iii. Carta Organisasi	13
iv. Punca Kuasa	14
v. Fungsi dan Peranan	15
BAB 2 Senario Persekitaran	
i. <i>Stakeholders</i> , Pelanggan dan Rakan Strategik	17
ii. Isu-Isu dan Cabaran	18
BAB 3 Pencapaian Tahun 2016 ~ 2020	
i. Anugerah dan Pengiktirafan	21
ii. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj	23
BAB 4 Hala Tuju Strategik	
i. Visi dan Misi	25
ii. Dasar Kualiti	26
iii. Nilai-Nilai Bersama	27
BAB 5 Strategi dan Pelan Tindakan	
i. Strategi Objektif 1	30-37
ii. Strategi Objektif 2	38-43
iii. Strategi Objektif 3	44-49
iv. Strategi Objektif 4	50-55
v. Strategi Objektif 5	56-63
vi. Strategi Objektif 6	64-71
BAB 6 Implementasi ke Arah Kejayaan	
i. Elemen Penentu Kejayaan	72-74
BAB 7 Penutup	
i. Fakta Asas Putrajaya dan Peta Putrajaya	77
ii. Guna Tanah Putrajaya	78
iii. Peristiwa Penting Putrajaya	79
iv. Akronim	80



PERUTUSAN **P R E S I D E N**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) 2021 - 2025 berjaya diterbitkan.

Pelan Strategik PPj 2021 - 2025 merupakan dokumen rujukan yang menzahirkan falsafah, hala tuju dan inisiatif strategik PPj untuk tempoh lima (5) tahun. Pelan ini memperincikan kelangsungan perancangan dan pelaksanaan serta sinergi dalam kalangan warga kerja PPj, ke arah mencapai visi menjadikan **“Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia”**. Menginjak usia 25 tahun, Putrajaya kini terus maju dan cemerlang sejajar dengan kedudukannya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. PPj sentiasa memacu usaha dalam memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar pentadbiran yang bertenaga dan ceria melalui kualiti perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu dan terancang. Berpaksakan kepada enam (6) strategi utama, Pelan Strategik PPj 2021-2025 merupakan satu pelan tindakan yang komprehensif, mencakupi teras, strategi, cabaran dan program bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada warga Putrajaya.

Selaras dengan iltizam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua peringkat kumpulan pendapatan, **PPj menjangkakan peningkatan populasi sehingga 350,000 orang merangkumi pelbagai kelompok masyarakat dalam tempoh 25 tahun akan datang**. Pencapaian komposisi populasi yang lebih dinamik bukan sahaja berupaya meningkatkan kuasa beli dalam kalangan warga Putrajaya malah menggalakkan pembangunan yang seimbang dan progresif yang disokong oleh persekitaran berkualiti dan integrasi komuniti yang kukuh.

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Putrajaya sebagai bandaraya yang menjadi tumpuan pelancong tempatan dan antarabangsa, produk-produk pelancongan sedia ada perlu diperkukuh dan dipelbagaikan. Penganjuran lebih banyak acara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan menjadi serampang dua mata dalam mempromosi tasik, taman-taman awam dan bangunan ikonik Putrajaya bagi menjana ekonomi penduduk setempat. Ia secara tidak langsung turut memberi peluang kepada *public at large* untuk menikmati kemudahan fizikal dan teknologi yang terdapat di Putrajaya seperti *Smart Transportation & Mobility*, *Smart Home & Environment*, *Smart Government Services*, *Smart Infrastructure & Utilities*, *Smart Safety & Security*, *Smart Economy* dan *Smart Community*.

Strategi baru turut digubal bertujuan mempromosi dan memperkenalkan Putrajaya khususnya di peringkat antarabangsa sebagai bandaraya pentadbiran mampan bertaraf dunia. PPj juga turut merangka beberapa inovasi dan kerjasama dengan anak-anak syarikat dalam meningkatkan hasil di samping meminimumkan perbelanjaan. Pelbagai bidang baru sedang dirancang dan diusahakan bagi memastikan PPj kekal relevan dan dapat mengharungi situasi ekonomi yang semakin mencabar.

Saya berharap seluruh warga kerja PPj akan dapat bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan visi, misi, strategi, serta pelan tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik PPj 2021-2025 ini. Setiap fokus mempunyai kepelbagaian aktiviti dan tindakan yang perlu dititikberatkan bagi menghasilkan output dan impak keberhasilan yang signifikan. Perkara ini hanya mampu dicapai sekiranya seluruh warga kerja PPj sentiasa mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan kepada produktiviti, inovasi dan semangat kerja berpasukan serta berani melaksanakan perubahan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja Perbadanan Putrajaya agar kita menghayati setiap inti pati yang dimanifestasikan dalam pelan ini dan sama-sama berusaha ke arah mereliasasikan visi **“Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia”** dan melakar kejayaan yang lebih gemilang yang boleh kita banggakan.

Sekian, terima kasih.

DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN
Presiden
Perbadanan Putrajaya

KATA ALU-ALUAN
NAIB PRESIDEN KANAN
PERKHIDMATAN KORPORAT



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Hormat.

Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan pandangan dalam menghasilkan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi tahun 2021 hingga 2025 ini. Pelan ini telah dihasilkan khusus bagi tujuan menetapkan hala tuju PPj untuk jangka masa lima tahun yang akan datang.

Dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan di Putrajaya, PPj komited dalam menghasilkan suatu Pelan Strategik yang turut mendokong hala tuju strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agenda nasional melalui inisiatif-inisiatif di bawah *Sustainable Development Goals (SDGs)*, Rancangan Malaysia ke-12 serta Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Dengan visi baharu untuk menjadikan **“Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia”** dan melalui enam (6) strategi objektif utama seperti yang telah digariskan dalam Pelan ini, Pebadanan Putrajaya telah mengambil pendekatan bagi mempelbagaikan aktiviti dan inisiatif-inisiatif baharu. Ini termasuklah usaha untuk memenuhi keperluan pelbagai kelompok masyarakat melalui inisiatif **“Putrajaya Untuk Semua”** yang diharapkan dapat menarik lebih ramai penduduk ke Putrajaya, termasuk mereka dari sektor bukan kerajaan.

Dengan siap tersedianya pembangunan kompleks dan prasarana Kerajaan, Putrajaya kini perlu menyahut cabaran baharu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonominya dan menarik pelaburan pihak swasta. **Ini termasuk dari segi pembangunan produk-produk pelancongan, kemudahan F&B dan sebagainya. Selain itu, sebagai antara bandar pintar perintis di Malaysia, Putrajaya beraspirasi untuk terus kekal sebagai peneraju inisiatif Smart City, sekaligus menyokong objektif My Smart Wilayah oleh KWP yang berupaya membawa pembangunan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan bandar pintar yang benar-benar dapat memberi manfaat dan memenuhi keperluan masyarakat Putrajaya.**

Suatu sistem pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) akan dibangunkan sebagai kaedah pengukuran terhadap pemantauan program dan aktiviti yang dirancang di bawah Pelan Strategik ini. Ini adalah supaya pelaksanaan Pelan ini dapat dipantau secara bersistematik dan memastikan segala hasrat yang terkandung dapat dicapai sepenuhnya.

Melalui Pelan Strategik yang digubal ini, adalah diharapkan perancangan kerja jangka panjang PPj akan menjadi lebih fokus, terancang dan bersistematik. Melalui kerjasama erat antara semua warga PPj, saya percaya sasaran Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) 2021-2025 dapat direalisasikan dengan jayanya, insyaAllah.

Sekian, terima kasih.

DATUK TPr. AZIZI BIN AHMAD TERMIZI
Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya



BAB 1

LATAR BELAKANG

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2021-2025 menggariskan perancangan dasar, strategi serta hala tuju pentadbiran pengurusan Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Pelan ini merupakan kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang diperkemas secara teliti melibatkan input daripada pelbagai peringkat pengurusan PPj yang akan diterjemahkan dalam setiap program dan aktiviti yang dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Bagi memastikan pelan strategik ini relevan dalam merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan, ianya memberi tumpuan kepada pengurusan dan pembangunan perbandaran yang ditadbir urus secara dinamik dan berinovasi. **“Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia”** dijadikan sebagai visi yang berupaya menjadi pemangkin kepada kelangsungan komitmen kerja bagi mencapai matlamat itu. Visi dan misi yang ditetapkan adalah selaras dengan fungsi utama PPj yang melaksanakan fungsi pihak berkuasa tempatan di samping menggalak dan memajukan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan pembangunan komersial serta sosial.

Pelan strategik ini dirangka melalui pengenalanpastian isu-isu strategik dan analisa persekitaran serta cabaran yang menjadi asas kepada terbentuknya enam (6) strategi objektif utama sebagai tunjang dan penggerak bagi mendokong visi dan misi yang ditetapkan disertai dengan 24 strategi dan 104 Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Dalam masa yang sama, pelan strategik ini meneruskan usaha menjadikan Putrajaya destinasi pelancongan yang terunggul di rantau ini dengan penekanan ke arah menjadi bandar rekreasi yang setanding dengan bandaraya utama di dunia. Pelbagai perancangan dilaksanakan agar dapat menarik perhatian pelancong bukan sekadar untuk melawat malah bersantai serta menginap di Putrajaya yang secara tidak langsung membantu penjanaan ekonomi. Pelan strategik ini turut menggiatkan inisiatif *Smart Government Services* dalam mempersiapkan Putrajaya ke arah bandaraya pentadbiran mampan bertaraf dunia.

Putrajaya akan turut dihidupkan dengan pelbagai peluang perniagaan dan penganjuran aktiviti yang menjadikan bandar ini lebih ceria, bertenaga dan mesra dengan mengambil kira akan perubahan landskap di peringkat domestik dan antarabangsa. Tumpuan pembangunan yang dirancang bukan sahaja untuk melengkapkan infrastruktur asas malah mewujudkan persekitaran yang kondusif, selamat dan memenuhi cita rasa antarabangsa yang sesuai untuk semua.

Memandang ke hadapan, PPj berhasrat untuk terus mengukir nama di persada dunia dengan mengekalkan dan menambahbaik aspek pembangunan, teknologi, penganjuran program dan produk komersial yang bukan hanya didokong oleh warga kerja PPj malah mendapat sokongan dan kerjasama padu dari setiap *stakeholders* dan rakan strategik bagi memastikan kejayaan yang berterusan.

Adalah diharapkan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) 2021-2025 ini dapat digunakan sebagai panduan kepada warga PPj untuk terus memperkasakan usaha agar mampu melakar kejayaan yang lebih besar sehingga mencapai visi **“Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia”**.

PENGENALAN

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) bertujuan untuk mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Putrajaya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Sebelum ini, Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dikenali sebagai Kawasan Perbadanan Putrajaya adalah merupakan sebuah daerah dalam Negeri Selangor.




CARTA ORGANISASI PERBADANAN PUTRAJAYA




PUNCA KUASA

Perbadanan Putrajaya menjalankan fungsi-fungsinya dengan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti berikut:



FUNGSI DAN PERANAN





BAB **2**

SENARIO PERSEKITARAN

STAKEHOLDERS, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK



01

Stakeholders

- Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Kementerian Kewangan (MoF)
- Jabatan Perdana Menteri (JPM)



02

Pelanggan

- Penduduk
- Pemilik Kediaman dan Premis Perniagaan
- Pelancong dan Pelawat
- Penyewa Premis Perniagaan



03

Rakan Strategik

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Tourism Malaysia
- Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM
- Biro Pengaduan Awam, JPM
- Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
- RELA dan JPAM
- PDRM dan BOMBA
- Hospital dan Klinik Kesihatan Putrajaya
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Labuan
- Media

ISU DAN CABARAN

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) 2021-2025 adalah berlandaskan kepada aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia dalam semua aspek serta sebagai sebuah bandar rekreasi pertama negara. Pada masa yang sama, pencapaian Pelan Strategik PPj 2016-2020 juga turut dijadikan asas dalam membangunkan strategi objektif pelan ini.

Sebanyak 6 strategi yang disokong oleh 104 Petunjuk Prestasi Utama (KPI), 24 program dan aktiviti yang relevan bagi menangani isu-isu dan cabaran bagi menjadikan Putrajaya Bandaraya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia.

PUTRAJAYA UNTUK SEMUA

- BANDAR PINTAR
- BANDAR REKREASI
- BANDAR SELAMAT
- BANDAR PELANCONGAN
- BANDAR TERANCANG, TERURUS DAN BERSIH
- MEMPUNYAI KEMUDAHAN AWAM DAN REKREASI MENCUKUPI
- MEMPUNYAI INFRASTRUKTUR BAIK
- BANDAR HIJAU
- BANDAR MAMPAN
- BANDAR YANG BERSEMANGAT DAN BERTENAGA
- MEMPUNYAI PENGANGKUTAN AWAM CEKAP
- MEMPUNYAI KEMUDAHAN PERUBATAN DAN KESIHATAN MENCUKUPI
- KOMUNITI BERBUDAYA NILAI MURNI
- MEMPUNYAI PELBAGAI KEMUDAHAN ILMU DAN PEMBELAJARAN
- BANDAR YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN CEKAP DAN MESRA RAKYAT

ASPIRASI KERAJAAN

- WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB30)
- MALAYSIA PRIHATIN
- RANCANGAN MALAYSIA KE-12
- *SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)*

HALA TUJU PPj

- VISI PPj
- MISI PPj

CABARAN

- MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR SUKAN DAN REKREASI YANG BERKUALITI
- MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PERUMAHAN, KOMERSIAL DAN INFRASTRUKTUR YANG MENCUKUPI
- MEMPROMOSI PUTRAJAYA DENGAN AKTIF DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI MERANCAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN
- MENINGKATKAN KUALITI PRODUK PELANCONGAN
- MEMASTIKAN AKSES KEMUDAHAN AWAM DAN PERSEKITARAN DAPAT DINIKMATI OLEH SEMUA
- MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM SEBAGAI PILIHAN UTAMA KOMUNITI PUTRAJAYA
- MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN BADAN BUKAN KERAJAAN DALAM PROGRAM ATAU AKTIVITI ANJURAN PPJ
- MENGURUSKAN SUMBER KEWANGAN YANG TERHAD DENGAN EFISIEN

6 PERSPEKTIF UTAMA

- MEMPERKASAKAN AKTIVITI KOMERSIAL DAN PELANCONGAN BAGI MERANCAKKAN EKONOMI PUTRAJAYA
- MENINGKATKAN KEPUASAN PELANGGAN DAN HUBUNGAN BAIK DENGAN *STAKEHOLDERS* SERTA RAKAN STRATEGIK
- MENYEDIAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN BERKESAN
- MENGURUSKAN KEWANGAN CEKAP DAN BERHEMAH
- MEMBANGUNKAN INISIATIF *SMART CITY*
- MEMPERKASAKAN MODAL INSAN

6
STRATEGI
OBJEKTIF

24
PROGRAM/
AKTIVITI

104
PETUNJUK
PRESTASI
UTAMA



BAB 3

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

PENCAPAIAN TAHUN 2016 - 2020

2016 ANUGERAH YANG DITERIMA

- Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) – 5 Bintang
- MIP Planning Excellence Awards 2016
– Pengiktirafan Amalan Pembangunan Mampan
- MKRA: Enhance The Cleanliness In Federal Territories
– Pencapaian 100%
- *International Convention On Quality Control Circle 2016 (ICQCC) 2016, Bangkok, Thailand*
– Anugerah Emas
- Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan 2016
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015
– 5 Bintang

Malaysian Landscape Architecture Award 2016
– Green Initiatives Award
For Taman Etnobotani Putrajaya

ASEAN Environmentally Sustainable
Cities (ESC) Awards

Konvensyen 'Team Excellence' Wilayah Utara (Pulau Pinang)
– Anugerah Emas

Konvensyen 'Team Excellence' Peringkat Kebangsaan
sempena *Annual Productivity & Innovation Conference and
Exposition (APIC)*, First World, Genting Highland, Pahang
– Anugerah Emas (4 Bintang)

International Quality & Productivity Convention
(IQPC) (Padang, Indonesia)
– Anugerah Emas

2017 ANUGERAH YANG DITERIMA

PENCAPAIAN TAHUN 2016 - 2020

2018 ANUGERAH YANG DITERIMA

- Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB - PBT) - 5 Bintang
- President Award FLORIA Putrajaya 2018, Community Engagement Garden @ FLORIA Putrajaya 2018
- Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun Berakhir 31 DIS 2017
- Pencapaian Status Mampan - MURNInets 2.0
- Sijil Perhargaan United Nations And Urbanice / PLANMalaysia Host Technical Visit World Urban Forum Malaysia 2018
- International Quality & Productivity Convention (IQPC) - Anugerah Emas
- Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara 2018 - Anugerah Emas
- Annual Productivity & Innovation Convention 2018 (APIC) - Anugerah 4 Bintang

Inisiatif Landskap Komuniti Terindah Sempena Hari Landskap Negara 2019 - Tempat Pertama (Putrajaya Urban Farming-PUF)

ILAM MLAA Merit Award 2018 Government Agencies Category - Green Initiatives Awards bagi Projek Malaysia - China Friendship Garden

Konvensyen 'Team Excellence' Peringkat Wilayah Utara, Pulau Pinang - Anugerah Emas

Konvensyen 'Team Excellence' Peringkat kebangsaan sempena *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition* (APIC), Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor - Anugerah Emas (5 Bintang)

Pertandingan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IIDEX) 2019, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor -Anugerah Emas

Low Carbon Cities 2030 Challenge: - Diamond Recognition bagi Kompleks Perbadanan Putrajaya

MIP MyPlace Awards 2019 - Outdoor Public Park (On The Move) Category: Platinum Award - Alamanda Steps

2019 ANUGERAH YANG DITERIMA

2020 ANUGERAH YANG DITERIMA


- Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard 2020-2022
- Anugerah Annual Investment Meeting- Future City Awards Dubai 2020
- Anugerah Kejiranan Hijau 2020 (AKH2020) PLANMalaysia

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

PERBADANAN PUTRAJAYA 2016-2020


Berikut adalah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perbadanan Putrajaya dari tahun 2016 sehingga 2020

2016 2017 2018 2019 2020




Indeks Kualiti Air Tasik Kelas II
(76.5 – 92.7)


2016 2017 2018 2019 2020




Peningkatan 3% Kutipan Bahan
Kitar Semula




Skor Indikator MURNInets



Skor Kepuasan Pelanggan




Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh



Premis Makanan Mendapat Gred A

PURATA PENCAPAIAN KPI





BAB **4**

HALA TUJU STRATEGIK

PELAN STRATEGIK PERBADANAN PUTRAJAYA 2021-2025

VISI

PUTRAJAYA BANDARAYA
PENTADBIRAN MAMPAN BERTARAF DUNIA

MISI

MENERAJUI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
PERBANDARAN MELALUI TADBIR URUS DINAMIK DAN BERINOVASI

1 STRATEGI OBJEKTIF



MEMPERKASA
TADBIR URUS
KE ARAH
KECEMERLANGAN
ORGANISASI

2 STRATEGI OBJEKTIF



MEMACU DAN
MEMANTAP
PERSEKITARAN
KONDUSIF

3 STRATEGI OBJEKTIF



MERANCAKKAN
INDUSTRI
PELANCONGAN
BERTARAF
DUNIA

4 STRATEGI OBJEKTIF



MEMPERKASA
KESEJAHTERAAN
RAKYAT

5 STRATEGI OBJEKTIF



MELESTARI
PEMBANGUNAN
TERANCANG,
SEIMBANG DAN
BERDAYA TAHAN
(RESILIENCE)

6 STRATEGI OBJEKTIF



MENYEDIA
PERKHIDMATAN
PERBANDARAN
UNGGUL

PRIHATIN • KOMITED • TELUS

DASAR KUALITI

Membina
organisasi yang
berprestasi tinggi,
cekap, mesra
pelanggan dan
mengamalkan tahap
tadbir urus dan
integriti yang
sangat baik



NILAI-NILAI BERSAMA



Kami **prihatin**
kepada komuniti
dan alam sekitar

01



Kami mengutamakan
pelanggan dan **komited**
untuk menyediakan
penyampaian
perkhidmatan yang
berkualiti

02



Kami melaksanakan
tugas secara **telus**
tanpa bercanggah
dengan undang-undang
dan peraturan

03



BAB **5**

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN





**MEMPERKASA
TADBIR URUS KE ARAH
KECEMERLANGAN
ORGANISASI**

**1 STRATEGI
OBJEKTIF**

1 STRATEGI OBJEKTIF



Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S1	MEMPERKASA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	P1. Meningkatkan Profesionalisme Pegawai 1.1. Program Hadiah Latihan - Kumpulan Pengurusan & Profesional (Ijazah Sarjana) - Kumpulan Pelaksana (Diploma/Ijazah Sarjana Muda) 1.2. <i>Professional Certificate</i>	5 Pegawai/2 tahun 20 Pegawai/tahun 3 Pegawai/tahun	Bahagian Sumber Manusia
		P2. Meningkatkan <i>Capacity Building</i> Pegawai 2.1. Program kompetensi dan kemahiran pegawai	i. 80% pelaksanaan program/tahun ii. 80% pegawai menghadiri kursus 4 hari/tahun	
		P3. Menambah kemahiran dan pengalaman pegawai 3.1. Pusingan Kerja 2 kali setahun	i. Bidang Kerja Kritikal (50% pegawai yang telah mencapai tempoh) ii. Bidang Kerja Bukan Kritikal (70% pegawai yang telah mencapai tempoh)	

Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S2	MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN	P1. Peningkatan Hasil 1.1. Hasil Sedia Ada	i. Peningkatan Hasil Bukan Cukai sebanyak 1% setiap tahun: a. Hasil sewaan Dewan Persidangan, Auditorium Cempaka Sari di Kompleks PPj dan Dewan Seri Seroja di P15 b. Hasil sewaan Lot Komersial c. Hasil Lesen/Permit d. Hasil Pusat Rekreasi/ Taman ii. Peningkatan Hasil Cukai (pertambahan bangunan dan penilaian semula) sebanyak 2%/tahun	Penyelaras: Jabatan Kewangan Bahagian Pentadbiran Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan Jabatan Landskap dan Taman Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset
		1.2. Melaksanakan Kajian Hasil Baru 1.3. Pengurangan peratusan tunggakan hasil	1 Kajian (2021) Pelaksanaan hasil kajian (2022-2025) i. Pemulihan hutang tahun semasa sebanyak 90% ii. Pemulihan tunggakan hutang bukan tahun semasa sebanyak 1% iii. Pengurangan tunggakan cukai taksiran yang kurang 5 penggal (2.5 tahun) sebanyak 0.5%/tahun iv. Pengurangan tunggakan cukai taksiran yang melebihi 5 penggal (2.5 tahun) sebanyak 0.5%/tahun	Penyelaras: Jabatan Kewangan Pemilik KPI: Jabatan Pelaksana Bahagian Pelaburan, Anak Syarikat dan Kawalan Kredit Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset

Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S2	MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN	P2. Kawalan Perbelanjaan		
		2.1. Melaksanakan kajian semula kos-kos penyelenggaraan bandaraya dan program berskala besar	1 Kajian (2021) Pelaksanaan hasil kajian (2022-2025)	Penyelaras: Jabatan Kewangan Pemilik KPI: Jabatan Pelaksana
		2.2. Prestasi perbelanjaan mengikut perancangan bajet	85%/tahun	Bahagian Pengurusan Kewangan
		2.3. Penjimatan bil elektrik untuk sistem lampu awam/lampu jalan (<i>retrofitting</i>)	2% Penjimatan/tahun	Bahagian Jalan
		P3. Rizab Tunai Mencukupi	Rizab Semasa boleh menampung 3 tahun emolumen	Bahagian Pengurusan Kewangan
		P4. Laporan Kewangan yang Benar dan Saksama	Mengekalkan Sijil Audit Bersih ke atas Penyata Kewangan Tahunan PPj	Bahagian Pengurusan Kewangan
		P5. Pemantauan Anak Syarikat PPj		
		5.1. Penjanaan keuntungan anak syarikat	Pulangan 1% daripada keuntungan bersih syarikat setiap tahun	Bahagian Pelaburan, Anak Syarikat dan Kawalan Kredit

Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S3	MEMANTAPKAN KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO	P1. Pengurusan Risiko Mengikut Kerangka Kerja		Jabatan Audit dan Kualiti Asurans
		1.1. Melaksanakan penilaian semula tahap risiko bagi setiap profil risiko yang didaftarkan	2 Kali/tahun	Bahagian Pentadbiran
		1.2. Pelaksanaan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PPj	2 Program/tahun	
		P2. Pelaksanaan Kawalan Dalaman Sebagai Proses Semak Imbang		Jabatan Audit dan Kualiti Asurans
		2.1. Melaksana dan melaporkan penemuan audit terhadap tajuk-tajuk auditan	10 Tajuk/tahun	
		P3. Pematuhan Piawaian Badan Pensijilan		Jabatan Audit dan Kualiti Asurans/ Bahagian Pengurusan Strategik/ Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
		3.1. Melaksanakan auditan ke atas skop pensijilan bagi; - MS ISO 9001 : 2015 - MS ISO/IEC 27001 : 2013	2 Pensijilan/tahun	

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S4	PENGUKUHAN INTEGRITI	P1. <i>Program National Anti Corruption Plan (NACP)</i>		Seksyen Integriti, Pejabat Presiden
		1.1. <i>Program Organization Anti Corruption Plan</i>	2 Kali/tahun	
		1.2. <i>Corruption Risk Management</i>	2 Kali/tahun	
		P2. Program Kesedaran Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Pindaan 2018) SPRM kepada anak syarikat	4 Kali/tahun	Seksyen Integriti, Pejabat Presiden

Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S5	MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	P1. Pemantauan Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan 1.1. Aduan diselesaikan di dalam tempoh 15 hari 1.2. Maklum balas pelanggan kaunter perkhidmatan PPj di tahap berpuas hati	95%/tahun 90%/tahun	Bahagian Komunikasi Korporat
		P2. Pematuan terhadap KPI dan tempoh piagam pelanggan terhadap permohonan kelulusan pelan melalui OSC	100%/tahun	Bahagian Pembangunan Tanah dan Kelulusan Pelan
		P3. Memperkemaskan instrumen perundangan bagi menjaga kepentingan PPj 3.1. Memastikan semua kerjasama strategik dengan anak syarikat dan entiti korporat didokumentasi secara teratur mengikut undang-undang	2 Kali/tahun	Jabatan Undang-Undang





**MEMACU DAN
MEMANTAP
PERSEKITARAN
KONDUSIF**

2 STRATEGI OBJEKTIF

2 STRATEGI OBJEKTIF



Memacu Dan Memantap Persekitaran Kondusif

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S1	MEMPERKASA PENGURUSAN PERSEKITARAN KONDUSIF	P1. Memperkasa Pengurusan Taman Awam 1.1. Program menaik taraf taman 1.2. Menambah bilangan koleksi herbarium	2 Taman/tahun 200 Koleksi/tahun	Bahagian Taman dan Rekreasi Bahagian Botani
		P2. Memperkasa Pengurusan Landskap 2.1. Pengurusan Pokok (Arborikultur) - Menaik taraf Sistem & Integrasi Pengkalan Data (SIPP, MyBis, Putrajaya GeoInfo)	30%/tahun	Bahagian Pengurusan dan Kawalan Landskap
		P3. Program Khas Taman Awam 3.1. Merancang dan melaksana Persidangan Botanikal Kebangsaan/ Antarabangsa dan Acara Tahunan (Hari Hutan Sedunia dan Hari Biodiversiti)	2 Persidangan/ Acara/ Program/tahun	Bahagian Botani
		P4. Memperkukuh Kerjasama Strategik 4.1. Melaksanakan kerjasama dengan Taman Botani dalam dan luar negara 4.2. Kerjasama Penyelidikan Sains Botani dengan universiti atau agensi	10 Buah Taman Botani (2021-2025) 5 Buah universiti atau agensi (2021-2025)	Bahagian Botani
		P5. Meningkatkan kepelbagaian koleksi Konservasi Tumbuhan Hidup (<i>Flora</i>)	2 Jenis/tahun	Bahagian Botani

Memacu Dan Memantap Persekitaran Kondusif

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S2	MEMPERKASA PENGURUSAN ALAM SEKITAR	P1. Pewartaan Kawasan Lapang - Keseluruhan 1,609.96 hektar - Telah dan dalam proses warta 1,085 hektar (67.4%)	Kemajuan peratus pewartaan 3.5% (2021) 10.8% (2022) 5.1% (2023) 8.3% (2024) 4.9% (2025)	Bahagian Pembangunan Tanah dan Kelulusan Pelan
		P2. Pengurusan Tasik yang Efisien 2.1. Pemantauan Kualiti Air Tasik Putrajaya 2.2. Pemantauan <i>fauna</i> dan penilaian <i>index diversity</i> di tasik dan wetland 2.3. Pemantauan dan penguatkuasaan punca pencemaran air tasik	100% Pematuhan Indeks Kualiti Air (WQI) Kelas II 100% Pematuhan <i>Shannon Diversity Index</i> /tahun 100% pemuatan terhadap syarat alam sekitar/tahun	Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
		P3. Melestarikan Ekosistem Bandar dan Persekitaran 3.1. Program kesedaran alam sekitar, tasik dan wetland 3.2. Menyelaras inisiatif Bandar Hijau rendah karbon 3.3. Program Penghijauan Bandaraya	5 Kali/tahun 5 Program (2021) 7 Program (2022) 8 Program (2023) 10 Program (2024) 12 Program (2025) Penanaman 1,500 pokok/tahun	Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland Bahagian Pembangunan Mampan Bahagian Taman dan Rekreasi

Memacu Dan *Memantap* Persekitaran *Kondusif*

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S2	MEMPERKASA PENGURUSAN ALAM SEKITAR	P4. Pengiktirafan tasik dan wetland peringkat kebangsaan dan antarabangsa 4.1. Pengekalan Pengiktirafan Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO 4.2. Pengiktirafan baharu dari aspek tapak badan air atau pengurusan tasik dan wetland	100%/tahun 1 pengiktirafan (2022) 1 pengiktirafan (2024)	Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
		P5. Pengukuhan Biodiversiti Bandar (<i>Urban Biodiversity</i>) 5.1. Kajian Biodiversiti Bandar Putrajaya 5.2. Program Konservasi <i>Fauna</i> Putrajaya	1 Kajian/tahun 1 Program/tahun	Bahagian Taman dan Rekreasi



**MERANCAKKAN
INDUSTRI
PELANCONGAN
BERTARAF
DUNIA**

**3 STRATEGI
OBJEKTIF**

3 STRATEGI OBJEKTIF



Merencanakan Industri Pelancongan Bertaraf Dunia

Bil.	Strategi	Program	KPI/Sasaran	Penyelaras/ Pemilik KPI
S1	MEMPERTINGKAT DAN MEMPELBAGAI PRODUK PELANCONGAN	P1. Membangunkan Putrajaya sebagai destinasi Pelancongan Sukan Antarabangsa 1.1. Pesta Sukan Air Putrajaya 1.2. <i>Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta</i> 1.3. <i>Putrajaya Challenge Park Adrenaline Fest</i>	3 Program/tahun	Bahagian Perkhidmatan Komuniti
		P2. Membangunkan Putrajaya sebagai destinasi Meetings Incentives Conferences and Exhibitions (MICE) bertaraf antarabangsa 2.1. <i>Digital Putrajaya Exhibition Conference (DIPEC)</i> 2.2. <i>City Expo Malaysia (CEM)</i> 2.3. Karnival Negeri 2.4. <i>International Board On Books For Young People (IBBY)</i>	3 Program (2021) 4 Program (2022) 3 Program/tahun (2023 – 2025)	Penyelaras: Bahagian Komunikasi Korporat Pemilik KPI: Jabatan Pelaksana
		P3. Membangunkan Putrajaya sebagai destinasi Pelancongan Islam bertaraf antarabangsa 3.1. Penerbitan berkaitan Islam 3.2. Pakej Pelancongan Islam	1 Penerbitan/tahun 1 Pasaran domestik dan 3 pasaran ASEAN (2021 – 2025)	Bahagian Komunikasi Korporat
		P4. Membangunkan Putrajaya sebagai destinasi ekopelancongan	4 Produk	Bahagian Komunikasi Korporat/Bahagian Interpretif dan Pendidikan Taman
